

Kritikan Dr. M keterlaluan – Hishammuddin

UM-10/6/2006

KUALA LUMPUR 9 Jun – Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan sebagai keterlaluan dan tidak adil terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Pergerakan itu, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kritikan bekas Perdana Menteri itu lebih bersifat peribadi dan tidak wajar terhadap parti dan kepimpinan parti.

Beliau berkata, kritikan Dr. Mahathir tidak boleh dianggap sebagai kenyataan rakyat biasa dan akan menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan ahli-ahli UMNO.

“Tuduhan dan kritikan yang menyentuh perkara-perkara yang saya rasa tidak wajar tadi (bersifat peribadi), mengecewakan kita,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda UMNO di Menara Datuk Onn di sini hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dan anggota Exco pergerakan itu, Datuk Mukhriz Mahathir.

Menurut Hishammuddin, mesyuarat Pemuda UMNO hari ini yang membincangkan secara pandang lebar dan tanpa emosi perkara tersebut, mengulangi pendirian iaitu mempertahankan, menyokong dan menghormati kepimpinan Abdullah dan segala keputusan dibuat oleh kerajaan dalam memastikan pelan pembangunan negara dapat dijayakan.

Beliau berkata, Pemuda UMNO sedar bahawa apa juga keputusan dibuat oleh kerajaan dan pucuk pimpinan adalah bersandarkan kepada niat ikhlas dan jujur, dengan meletakkan kepentingan ramai.

Malah katanya, Pemuda UMNO menerima hakikat bahawa Perdana Menteri baru menerajui kerajaan bagi tempoh kira-kira dua setengah tahun dan baru sahaja membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

“Memang ada ruang menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap pendirian dan dasar-dasar (kerajaan), tetapi janganlah sampai ia menyentuh peribadi kepimpinan. Janganlah ia (kritikan itu) membawa kesan dan implikasi terhadap parti,” katanya.

Justeru, katanya, Pemuda UMNO menyokong saranan supaya kedua-dua pemimpin bertemu bagi mencari penyelesaian.

Hishammuddin turut mengingatkan ahli-ahli Pemuda supaya tidak meletakkan emosi melebihi kepentingan parti dan tidak membenarkan mana-mana pihak mengambil kesempatan.

Dalam hal ini, beliau melahirkan rasa gembira apabila Dr. Mahathir menyatakan kesetiaan kepada parti dan tidak akan membenarkan dirinya diperguna oleh mana-mana pihak.